

**MRCB Yakin Capai Pendapatan RM1.3 Bilion**  
**Bernama**  
**Ogos 11, 2011**

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) yakin dapat mencapai sasaran pendapatan sebanyak RM1.3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2011.

Dalam satu kenyataan Khamis, MRCB berkata, momentum permintaan yang kukuh bagi projek-projek harta kumpulan itu dan kegiatan-kegiatan pembinaan dan kejuruteraannya, sasaran itu dapat dicapai.

Bagi tempoh enam bulan pertama berakhir 30 Jun, 2011, ia mencatatkan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai masing-masing sebanyak RM677.797 juta dan RM48.236 juta.

Bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2011, keuntungan sebelum cukainya meningkat kepada RM24.2 juta daripada RM18.3 juta dalam suku yang sama tahun lepas.

Pendapatan bertambah kepada RM456.3 juta daripada RM363.6 juta sebelumnya.

MRCB berkata perolehan dan keuntungan yang lebih tinggi bagi suku berkenaan pada asasnya disumbangkan oleh kemasukan keuntungan progresif daripada projek-projek harta yang sedang dilaksanakan yang diraih daripada pembangunan Kuala Lumpur Sentral.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamed Razeek, berkata penambahan pelaburan harta utamanya di Kuala Lumpur Sentral, yang dikenali sebagai KL Sentral Park, yang dijadualkan siap dalam enam bulan kedua tahun ini, terus menarik minat sewaan yang kukuh dengan kadar penyewaan mencecah 80 peratus.

"Pembangunan kondominium dalam Kuala Lumpur Sentral, yang dikenali sebagai The Sentral Residences, dijadualkan pelancarannya tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata satu lagi sumbangan adalah daripada pelancaran jualan pejabat strata Q Sentralnya di pembangunan Kuala Lumpur Sentral baru-baru ini yang mencatatkan jualan yang menggalakkan.

Mohamed Razeek berkata keuntungan itu juga disumbangkan oleh kegiatan pembinaan MRCB di Johor, khususnya, Hospital Permai, Eastern Dispersal Link Expressway dan Marlborough College.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=607661>